

28/01/2001

Pelancong disaran saksi perpaduan kaum

LANGKAWI: Pelancong asing disaran menyaksi sendiri keharmonian hidup rakyat berbilang agama dan kaum sepanjang lawatan mereka ke negara ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, kesempatan itu tidak harus dilepaskan kerana suasana sama sukar dilihat di negara lain.

"Jika anda ke Jepun, anda hanya lihat orang Jepun dari utara ke selatan. Ke China pula, anda tengok orang Cina, ke India, tengok orang India.

"Tetapi di Malaysia, anda lihat orang Cina, India, Indonesia, Thailand, Singapura dan Melayu hidup aman, suatu pengalaman yang tidak dapat dilupakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Jamuan Malam khas untuk 320 atlet dari 32 negara yang menyertai Ironman Malaysia Triathlon di Dataran Lang, malam semalam.

Abdul Kadir mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di majlis itu. Kejohanan edisi kedua anjuran Langkawi Ironman Endurance Marathon Sdn Bhd (Liem), bermula hari ini, membabitkan tiga disiplin iaitu berenang sejauh 3.8 kilometer (KM), berbasikal 180 KM dan larian 42.2 KM.

Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein; Setiausaha Kerajaan Kedah, Datuk Ismail Shafie; Pengarah Urusan Liem, Datuk Sri Ram Sarma; Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Datuk Md Hassan Bulat dan Pengasas Ironman Dunia, Komander John Collins.

Abdul Kadir berkata, Malaysia adalah destinasi yang menemukan kebanyakan penganut berbeza di dunia selain kaya dengan keunikan budaya etnik seperti di Sabah dan Sarawak.

Menurutnya, keamanan yang dinikmati rakyat sekarang disebabkan wujudnya kerajaan yang kukuh dan stabil, hasil pilihan rakyat menerusi sistem demokrasi.

(END)